

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqua General Insurance Berhad ("Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Kebakaran . Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Insurans Kebakaran Tarikh : 01/03/2024

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Produk ini menawarkan perlindungan kepada harta benda anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat dan letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik.

2. Apakah jenis-jenis manfaat yang diberi?

Polisi ini melindungi:

- Kerugian atau kerosakan terhadap harta benda anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat dan letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik.

Pilihan manfaat tambahan yang boleh anda beli dengan membayar premium tambahan:

- Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pesawat atau peranti udara;
- Ribut, banjir, gempa bumi, letusan gunung berapi, penenggelaman dan gelinciran tanah;
- Letupan;
- Pemecahan atau limpahan tangki atau paip air, kebocoran pemercik air;
- Kerosakan akibat impak hentaman oleh kenderaan atau binatang;
- Kebakaran belukar/lalang, pembakaran spontan, kerosakan oleh pokok tumbang atau dahan atau objek daripadanya;
- Rusuhan, mogok dan kerosakan akibat niat jahat.

Nota:

1. Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.
2. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
3. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium tahunan yang perlu anda bayar adalah dikira berdasarkan jumlah yang diinsuranskan, perlindungan tambahan (jika ada) dan keperluan pengunderaitan kami. Sila berbincang dengan ejen insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada ejen	15% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Duti Setem	RM10.00

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?

Kepentingan pendedahan

- a. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- b. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- c. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- d. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- e. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Nilai pasaran – Anda perlu memastikan harta anda diinsuranskan pada jumlah yang berpatutan sepanjang masa, dengan mengambil kira pengubahsuaian dan penambahbaikan yang dilakukan. Amaun yang diinsuranskan mesti melindungi kos pengembalian semula harta anda.

Fasal Purata – Sekiranya jumlah yang dilindungi dalam polisi insurans anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda adalah dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaannya dan anda akan menanggung sebahagian daripada kerugian secara berkadar.

Waranti premium – Premium perlu dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan perlindungan. Jika gagal, maka polisi ini akan terbatal secara automatik dan pihak kami berhak ke atas premium secara berkadar sepanjang tempoh kami menanggung risiko.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk melihat keseluruhan terma dan syarat.

6. Apakah pengecualian-pengecualian di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- a. Kerugian akibat kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran.
- b. Barangan yang dipegang sebagai amanah atau atas komisen.
- c. Sekuriti, obligasi, sebarang dokumen, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer.
- d. Bahan letupan.
- e. Pembakaran harta benda atas perintah pihak berkuasa.
- f. Pencemaran.
- g. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh perang atau risiko seumpamanya.
- h. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pencemaran radioaktif, radiasi nuklear atau risiko seumpamanya.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis dan menyerahkan Polisi Insurans asal anda kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak untuk mendapat pengembalian premium berdasarkan tempoh insurans yang belum luput tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan dalam polisi dan jumlah premium minimum yang perlu kami kekalkan.

8. Apa yang patut saya buat sekiranya ada perubahan maklumat?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami bagi sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etiqua General Insurance Berhad (197001000276)

(Dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank

No 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

Etiqua Online: 1300 13 8888

E-mel: info@etiqua.com.my

Lama Web: www.etiqua.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan seumpama yang boleh didapati

- a. Insurans Semua Risiko, Insurans Empunya Rumah dan insurans Kandungan Rumah.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI DENGAN NILAI YANG BERPATUTAN. ANDA HARUS BACA DAN FAHAMI KANDUNGAN POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terkandung dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024.